



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

WHO ISYTIHARKAN PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
MASUK FASA 6

13 Jun 2009

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, satu (1) kes baru disahkan di Malaysia menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12 kes dan kesemuanya adalah kes impot. Sehingga kini, TIADA kes yang disebabkan oleh penularan tempatan (local transmission) dikesan di Malaysia.

Kes keduabelas ini ialah seorang pelajar perubatan, lelaki, warganegara Malaysia berusia 19 tahun dari sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia, telah pergi bercuti ke Melbourne pada 24 Mei 2009 selama 17 hari. Beliau pulang ke Malaysia bersama-sama 3 orang rakannya dengan penerbangan MH148 yang tiba di KLIA pada 10 Jun 2009, jam 9.21 malam. Tempat duduk beliau ialah 36F manakala rakan-rakannya duduk sebaris. Beliau tidak demam semasa di KLIA. Beliau telah dijemput dari KLIA oleh seorang rakannya dan seterusnya pergi ke rumah salah seorang rakan di Ampang sebelum dijemput oleh ibunya dan dihantar ke rumah bapanya di Kuala Lumpur. Pagi pagi 11 Jun 2009, beliau mula

demam tetapi telah keluar makan tengah hari di salah sebuah pusat membeli belah bersama-sama ibunya. Pada petangnya pula, beliau telah keluar bersama-sama 4 orang rakannya di sekitar Kuala Lumpur. Beliau mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 12 Jun 2009 jam 3.00 petang dan seterusnya dirujuk dan dimasukkan ke wad isolasi Hospital Kuala Lumpur pada 12 Jun 2009 jam 5.30 petang. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang berusaha mengesan 7 orang rakan-rakannya untuk dikuarantin. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga sedang mengesan penumpang MH148 yang tiba di KLIA daripada Melbourne pada Jam 9.21 malam, 10 Jun 2009 terutama yang berada di tempat duduk barisan 33 hingga 39. Pada masa ini pesakit adalah stabil dan telah diberikan rawatan antiviral.

Kementerian Kesihatan Malaysia bimbang dengan situasi Influenza H1N1 di dunia ketika ini, dan dengan itu, menyeru kepada sesiapa yang ada tanda dan gejala Influenza H1N1 setelah kembali dari melawat negara-negara yang terjejas supaya segera mendapatkan rawatan dan membataskan pergerakan dan pertemuan dengan orang lain.

Pada masa ini 5 kes yang masih lagi dalam rawatan di Hospital iaitu Hospital Sungai Buloh(1), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban(1), Hospital Pulau Pinang(2) dan Hospital Kuala Lumpur (1).

Sejumlah 33 notifikasi kes-kes yang mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza setelah kembali dari negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1) telah diterima dari seluruh negara. Sejumlah 27 kes ini telah dimasukkan ke wad isolasi di 6 buah hospital rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan rawatan dan penyiasatan, manakala 6 dikenakan *home quarantine*. Dari 33

notifikasi, 17 adalah negatif terhadap influenza A(H1N1), 1 positif dan 15 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana mendapat simptom jangkitan influenza selepas melawat negara terlibat wabak influenza adalah sebanyak 687 kes di mana, 12 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 660 disahkan negatif dan 15 masih menunggu keputusan.

Dalam tempoh 24 jam, 149 kontak kes ketujuh telah tamat kuarantin dan 15 kontak baru dikesan iaitu 4 kontak kes ke lapan, 4 kontak kes ke sepuluh dan 5 kontak kes ke sebelas. Jumlah keseluruhan kontak yang diletakkan di bawah *home quarantine* kini adalah seramai **109** orang. Pecahan kontak keseluruhan yang sedang dikuarantin ialah 39 kontak kes ke lapan, 3 kontak untuk kes kesembilan, 11 kontak kes ke sepuluh, 54 kontak kes ke sebelas dan 2 kontak kedua belas. Sembilan belas kontak kes ke sembilan lagi yang dilaporkan dikuarantin semalam telah dilepaskan kerana masa kontak sebenarnya melebihi 24 jam sebelum kes kesembilan itu mendapat sakit. Tiada pekerja hotel yang dikuarantin. Kesemua kontak yang sedang dikuarantin tersebut tiada menunjukkan gejala jangkitan influenza A(H1N1).

Seperti yang dilaporkan semalam Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan peningkatan amaran daripada fasa 5 ke fasa 6 pada 11 Jun 2009. Fasa pandemik influenza A(H1N1) yang telah merebak secara berleluasa ke seluruh dunia dengan penularan tempatan, di mana pada situasi ini pandemik ini yang telah melibatkan sejumlah 29,827 kes di 74 buah negara dengan 22 negara mempunyai penularan tempatan. Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan. Untuk makluman, pihak WHO tiada menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan.

Dalam fasa ini WHO telah menyarankan untuk negara-negara yang belum ada penularan tempatan, seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada(vigilant).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 13 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 29,827 kes dengan 145 kematian daripada 74 negara, iaitu pertambahan sebanyak 1007 kes dan 1 kematian. Satu (1) kematian adalah daripada Guatemala. Pertambahan sebanyak 1007 kes adalah daripada 25 negara dengan majoriti adalah daripada Kanada (532), Sepanyol (131), Argentina (87), Australia (84) dan Jepun (31).

Sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini, dijangkakan ramai pelajar daripada Amerika Syarikat dan Eropah akan pulang untuk bercuti. Sehubungan dengan itu, aktiviti-aktiviti kawalan seperti saringan di pintu masuk telah dipertingkatkan. Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin menegaskan dan meminta kerjasama kepada semua pelajar-pelajar Malaysia dari luar negara yang ingin pulang bercuti sempena musim panas, untuk menangguhkan perjalanan pulang mereka sekiranya mereka mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza. Mereka dinasihati agar mendapatkan rawatan terlebih dahulu sehingga sembuh sebelum pulang ke Malaysia. Mereka juga dikehendaki melaporkan diri kepada pasukan perubatan yang bertugas di lapangan terbang antarabangsa jika mereka tidak sihat. Bagi mereka yang telahpun pulang dan mempunyai gejala-gejala jangkitan influenza dalam masa 7 hari selepas tiba di Malaysia, diminta untuk segera ke klinik-klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan.

Bagi mengesan kontak kepada kesemua kes positif terbaru ini, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 13 Jun 2009